

1. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Harimau yang cedera itu dikurung untuk diberi rawatan tetapi akan _____ apabila sembuh.
- b. Pasukan yang menang akan mara manakala pasukan yang kalah akan _____ diri.
- c. Tidak semua kebudayaan orang barat itu tidak sesuai ditiru oleh orang _____.
- d. Kami mendaki bukit dan _____ lurah untuk mencari kanak-kanak yang sesat dalam hutan itu.
- e. Air sungai di _____ menjadi keruh apabila hujan turun di hulu sungai.

2. Beri **KATA GANDA** bagi perkataan yang bergaris di bawah.


- a. Tin-tin ditanam bagi mengelakkan jentik-_____ membiak.
- b. Orang ramai berbisik-_____ apabila mendengar berita itu.
- c. Dia selalu berdolak-_____ semasa kita meminta bantuannya.
- d. Cakap orang tua-_____ hendaklah didengar dan dipatuhi.
- e. Pakaian peminta sedekah itu compang-_____.

3. Pilih **IMBUHAN** yang disediakan dan tuliskan di tempat-tempat yang kosong dalam ayat-ayat di bawah.


- a. Abang sungguh terkejut apabila _____ dapat _____ keretanya hilang dari tempat letak kereta. (men...i, ke...an, men...kan)
- b. Kakak _____ pos surat untuk kawannya. (menge..., mem, di...)
- c. Masalah dalam _____ keluarga itu tidak boleh diceritakan demi menjaga perasaan anak-anaknya. (...i, ...an, ...kan)
- d. Pemuda itu _____ lap meja dekat pintu itu hingga bersih. (menge..., di..., ter...)
- e. Suhana berjanji akan memenuhi undang _____ sepupunya itu. (...kan, ...an, ...i)
- f. Pak Mat pergi menorah getah dengan _____ bekal _____ kelupis dan air kopi. (ber...kan, di...an, mem...kan)
- g. Bapa Azuan _____ buka bengkel membaiki kereta. (di..., mem..., ter...)
- h. Pembantu rumah itu mengemaskan pakaian kakak yang _____ selarak di dalam biliknya. (di..., mem..., ber...)
- i. Kami sekeluarga akan _____ ziarah _____ sahabat ayah yang sedang sakit. (di...i, men...i, ber...i)
- j. _____ kampung _____ di pedalaman sudah menerima pembangunan. (me...kan, per...an, per...kan)

4. Tuliskan **PENJODOH BILANGAN** yang sesuai di tempat-tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

- a. Beberapa _____ cili merah dan timun menghiasi nasi goreng dalam pinggan itu.



- b. Kakak mengambil se _____ permaidani lalu membentangkannya dalam bilik adik.




- c. Kami membawa se _____ payung kerana hari hendak hujan.



- d. Salina membeli dua _____ tembikai.



- e. Se _____ basikal jatuh dari lori itu.



5. Tuliskan SINONIM (KATA SEERTI) dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Dia memakai pakaian berjalur-jalur () pada hari itu.
- b. Peserta pertama itu dapat menyampaikan syarahannya dengan fasih ()
- c. Kawasan itu aman () setelah kumpulan penjenayah berjaya ditumpaskan.
- d. Dia berikrar () untuk mematuhi peraturan sekolah.
- e. Kami memohon () agar penduduk kampung menghulurkan sedekah kepada perempuan tua itu.
- f. Dalam sekelip mata sahaja kereta itu lenyap () dibawa arus sungai yang deras itu.
- g. Pekerja itu menimbus lubang () di tengah jalan dengan batu.
- h. "Jangan usik () periuk yang panas itu," katanya.
- i. Pemuda itu tewas () dalam pertandingan gusti pada minggu lepas.
- j. "Pokok yang tumbang () itu sudah kami potong," kata abang kepada ayah.